

Contohi peristiwa kewafatan Rasulullah hayati erti warisan perjuangan

UM 27 JUN 2003

KUALA LUMPUR 21 Jun — Ahli-ahli LJMNO perlu mencontohi peristiwa kewafatan Rasulullah untuk menghayati erti warisan perjuangan yang tidak bergantung kepada mana-mana pemimpin tetapi berdasarkan pegangan dan semangat yang berterusan.

Wakil UMNO Terengganu, Awang Jabar berkata, pada masa kewafatan Rasulullah, Saidina Abu Bakar menenangkan penduduk Islam Madinah dengan berkata 'Barang siapa yang menyembah Mohamad, Mohamad telah pergi, tetapi barang siapa yang menyembah Allah, Allah tidak mati.'

"Peristiwa bagaimana umat Islam mengubati rasa dukacita dan kehilangan mereka terhadap kewafatan Rasulullah harus menjadi iktibar kepada ahli-ahli UMNO," katanya lagi.

Beliau berkata demikian sewaktu membahaskan isu pendidikan dan agama yang dicadangkan oleh UMNO Johor dan disokong oleh UMNO Selangor pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO Ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Menurut Awang, seperti umat Islam pada zaman Rasulullah, rasa sedih ahli UMNO untuk menerima pengunduran Dr. Mahathir dapat dilihat dengan jelas sewaktu pengumuman beliau untuk bersara pada perhimpunan yang lalu.

"Pengajaran yang boleh diambil daripada peristiwa berkenaan ialah perjuangan dan sokongan ahli-ahli UMNO harus terus hidup kerana semangat perjuangan bersifat kekal dan tidak harus bergantung kepada pe-

mimpin yang pergi," katanya lagi.

Awang dalam perbahasannya turut mengajak ahli-ahli UMNO melakukan muhasabah dalam memastikan mereka sentiasa tidak terpengaruh dengan anasir-anasir bertujuan menggugat kestabilan parti.

"Muhasabah dapat memastikan perjuangan UMNO sentiasa berpaksikan ajaran dan nilai-nilai Islam. Selain itu ia juga memastikan ahli UMNO terhindar daripada salah faham yang ditimbulkan oleh mereka yang mempunyai kepentingan diri," jelasnya.

Beliau turut mencadangkan agar peranan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) supaya diluaskan supaya kesedaran rakyat mengenai status Malaysia sebagai sebuah negara Islam dapat dilakukan.

"Langkah tersebut dapat membetulkan salah faham golongan-golongan tertentu yang mengatakan Malaysia adalah sebuah negara yang sekular dan bukannya negara Islam," tambah Awang.